

21 SEP 2003

Abdullah-Mahathir

"MALAYSIA" ADALAH PROJEK TERBESAR DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahamd Badawi hari ini berkata Malaysia merupakan projek terbesar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak beliau memegang jawatan Perdana Menteri.

Katanya apa yang dihasratkan oleh Dr Mahathir telah diamalkannya semasa mentadbir negaranya sendiri dan ini terbukti melalui kejayaan luar biasa Malaysia dalam pelbagai bidang.

"Ada orang kata Dr Mahathir merupakan pemimpin Melayu Agung yang wujud dalam sejarah bangsa kita.

"Kejayaan Koridor Raya Multimedia, kereta Proton dan pembangunan Putrajaya serta rancangan menjadi ibu negara Kuala Lumpur sebagai bandar raya moden, merupakan bukti apa yang dihasratkan beliau yang telah dapat dijayakan," katanya semasa berucap melancarkan Ensiklopedia Dr Mahathir Bin Mohamad Perdana Menteri Malaysia di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini malam ini.

Abdullah berkata Dr Mahathir telah membuktikan apa yang dikatakan dapat dilakukan dan berjaya meletakkan Malaysia sebagai "berkelas dunia yang hebat".

"Kita perlu pastikan peninggalan Dr Mahathir -- "berkelas dunia yang hebat", "infrastruktur dunia maju" -- ini dapat digunakan dengan baik dan elok dan berkekalan kepada kita dan janganlah sekali-kali apabila kita gunakan infrastruktur kelas satu ini tetapi bermentaliti seperti kelas tiga," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata Dr Mahathir berjaya melaksanakan banyak perkara dan mengubah Malaysia daripada sebuah negara yang kurang dikenali di Asia menjadi sebuah ekonomi penting di rantau itu.

"Yang lebih penting, warisan tinggalan beliau berupa idea, pemikiran dan pendapat dalam pelbagai isu dan topik," katanya.

Abdullah berkata stail kepimpinan Dr Mahathir yang berani serta mencetuskan pemikiran, tidak dimiliki pemimpin negara Asia lain.

"Idea-idea beliau akan terus mencabar pemikiran kita. Rakyat biasa dan golongan intelektual akan mendapat manfaat daripada idea dan pemikiran bijak beliau. Malaysia dan umat Islam akan mendapat manfaat besar daripada membaca ucapan-ucapan beliau," kata Abdullah.

Abdullah berkata Dr Mahathir bercakap mengenai pelbagai topik dan isu, daripada ekonomi berasaskan pengetahuan, e-migrasi, revolusi siber, Kumpulan Ekonomi Asia Timur, Koridor Raya Multimedia, dunia tanpa sempadan dan globalisasi sehingga masalah yang dihadapi umat Islam.

"Wawasan beliau akan menggerakkan Malaysia ke Abad 21,"

"Ucapan-ucapan Dr Mahathir mencerminkan bukan sahaja corak pentadbiran dan pengurusannya malah yang lebih penting mempamerkan kebijaksanaan beliau sebagai pemikir yang mempunyai pendekatan bersinergi," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata Dr Mahathir berjaya menyepadukan pemikiran saintifik dan politik bagi menjana dan menyemarakkan idea yang tidak dimiliki pemimpin politik lain.

"Inilah buah tangan Dr Mahathir yang luar biasa dan tiada tandingannya, selain tenaga yang tiada berkesudahan dan semangat membara untuk bekerja, Perdana Menteri berjaya menyampaikan idea yang meletakkan Malaysia pada statusnya di Asia pada masa ini," kata Abdullah.

Sementara itu, Dr Mahathir dalam ucapan penghargaan yang diperdengarkan kepada hadirin, mengucapkan terima kasih kepada mereka yang mengumpulkan

semua pemikiran, idea dan wawasannya dalam satu buku.

Dr Mahathir berkata ensiklopedia itu yang memuatkan ucapan serta idea semasa menjadi Perdana Menteri Malaysia, merupakan pandangan, kebimbangan serta idea beliau mengenai pelbagai isu penting.

Beliau juga berharap ensiklopedia itu akan menjadi salah satu daripada bahan rujukan penting mengenai dunia Islam moden pada masa depan.

Ensiklopedia itu dijual pada harga RM1,300 manakala ensiklopedia dwibahasa berharga RM2,200.

-- BERNAMA

NER HS LAT